



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 17 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pemandu lori, penjaga stor ditahan sorok diesel subsidi

JOHOR BAHRU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 56,520 liter minyak diesel berjumlah RM121,518 susulan serbuan di sebuah stor di sekitar Bukit Pasir, Muar, kelmarin.

Pengarah KPDN Negeri Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, serbuan yang dilakukan pada pukul 4.30 petang itu turut menahan dua pemandu lori dan

penjaga stor berusia lingkungan 20-an bagi membantu siasatan.

Katanya, ketika serbuan, stor tersebut gagal mengemukakan sebarang dokumen seperti lesen serta permit bagi memiliki, menyimpan dan membawa barang kawalan diesel.

"Serbuan yang dilakukan oleh tiga Pegawai Penguatkuasa KPDN Cawangan Muar merampas 56,520 liter minyak diesel, 20

tangki penyimpanan dan alat pemindahan minyak diesel, sebuah lori, sebuah treler, dan tujuh unit kunci lori dan treler.

Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan mencecah sehingga RM375,518," katanya kepada pemberita semalam.

Jelas Lilis Saslinda, tindakan yang diambil bagi kes mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.



AKTIVITI penyimpanan minyak diesel tanpa permit di Bukit Pasir, Muar, kelmarin.

56,520 liter diesel bernilai RM 121,518 dirampas di Muar

JOHOR BAHRU - Sebuah stor haram tanpa lesen dan permit menyimpan minyak diesel di Bukit Pasir, Muar diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Muar pada Rabu.

Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo berkata, serbuan jam 4.30 petang yang dilakukan oleh tiga penguat kuasa KPDN Cawangan Muar itu telah merampas 56,520 liter diesel dianggarkan bernilai RM121,518.

"Turut dirampas ialah 20 unit tangki penyimpanan dan alat pemindahan minyak diesel, sebuah lori, sebuah treler dan tujuh unit kunci lori dan treler.

"Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM375,518," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Lilis Saslinda berkata, dua lelaki warga tempatan yang bertindak sebagai pemandu lori dan seorang warga asing se-

bagai penjaga stor turut ditahan bagi membantu siasatan.

Menurutnya, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sementara itu di **TEMERLOH**, KPDN Temerloh menahan seorang lelaki disyaki membeli minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran Pengawal Bekalan Malaysia di daerah ini pada Selasa.

Ketua cawangan KPDN Temerloh, Abdul Razak Yahaya berkata, lelaki berusia 45 tahun itu ditahan di sebuah stesen minyak di Kuala Krau di sini selepas anggota penguat kuasa menjalankan risikan selama tiga minggu.

Katanya, perintah reman selama tiga hari dikenakan terhadap suspek.

"Siasatan juga akan dibuat ke atas stesen minyak berkenaan sama ada bersekongkol dengan individu yang ditahan atau sebaliknya," katanya.

FOTO: KPDN JOHOR



Stor haram menyimpan minyak diesel di Bukit Pasir, Muar yang diserbu oleh KPDN Cawangan Muar pada Rabu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kurang sambutan, tidak mampu tanggung kos antara faktor jualan dihentikan

Peniaga mula 'lupakan' Menu Rahmah

Oleh NOOR HASLIZA NUSI,
LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR,
DIYANATUL ATIQA ZAKARYA dan
NUR AMEERA ABDUL RASID

PETALING JAYA – Menu Rahmah yang dijual bagi membantu meringankan beban orang ramai terutama golongan B40 ketika ini dilihat semakin kurang didapati selepas sebilangan peniaga mengambil keputusan menghentikan penjualan hidangan berharga RM5 berkenaan.

Tinjauan Kosmo! mendapati, banyak peniaga memilih untuk tidak meneruskan lagi inisiatif tersebut berikutan kurang mendapat sambutan selain tidak mampu menanggung kos bahan mentah yang tinggi ketika ini.

Rata-rata peniaga tersebut mendakwa, harga set makanan yang diperkenalkan serendah RM5 itu cuma mampu bertahan tiga hingga enam bulan sahaja.

Di **George Town**, peniaga nasi campur, Saiful Yahaya berkata, dia hanya menjual Menu Rahmah kira-kira enam bulan sebelum penjualannya dihentikan penghujung tahun lalu.

Akuinya, selain berdepan dengan kenaikan harga kos bahan mentah yang mendadak dan tidak menentu terutama bawang, gula, beras import, sos, ayam serta sayur-sayuran, sambutan pelanggan terhadap pelaksanaannya juga turut berkurangan.

"Cuma 10 hingga 20 peratus pelanggan sahaja yang datang membeli set Menu Rahmah iaitu nasi putih, ayam dan sayur sejak ia diperkenalkan. Kadang-kadang hanya seorang sahaja yang meminta membelinya.

"Memang tak bawa balik modal pun, untung pun kurang RM1 berbanding menu nasi campur dengan 50 jenis lauk-pauk yang sedia ada dijual di gerai ini.

"Pemilihan nasi dengan aneka lauk ini juga sudah boleh didapati pada harga berpatutan, lebih daripada Menu Rahmah iaitu sekitar RM2.50 hingga RM4.50.



ATAS: Menu Rahmah sebelum ini membantu orang ramai menikmati makanan pada harga murah iaitu RM5.
– GAMBAR HIASAN

KANAN: Kenaikan kos bahan mentah menjadi antara punca golongan peniaga tidak dapat meneruskan Menu Rahmah.
– GAMBAR HIASAN

Semuanya terpulang pada bajet dan kemampuan pelanggan itu sendiri," katanya kepada Kosmo!.

Sementara itu, penyelia sebuah restoran nasi kandar di George Town yang hanya mahu dikenali sebagai Ali berkata, Menu Rahmah yang diperkenalkan di premis itu juga hanya bertahan selama tiga bulan.

"Mula-mula diperkenalkan memang ada sambutan tetapi dalam kelompok pelanggan terdiri pekerja warga asing dan kumpulan pelajar.

"Bagaimanapun pada bulan seterusnya, permintaan semakin berkurangan dan pelanggan yang



sama dilihat memilih lauk atau makanan lain, pada harga kurang RM10," katanya.

Seorang lagi pengusaha gerai nasi campur di Sungai Ara, Bayan Lepas berkata, dia amat mengharapkan agar kerajaan serius mengawal harga barangan mentah supaya tidak membebankan para peniaga makanan.

"Kenaikan harga bawang merah antara RM45 hingga RM48

bagi setiap tujuh kilogram, beras import, minyak masak, ayam dan sayur-sayuran amat memberi kesan kepada kami ketika ini.

"Bagaimana hendak kami teruskan Menu Rahmah jika harga barangan mentah yang berada di pasaran terus naik.

"Kami tiada pilihan melainkan menghentikan Menu Rahmah yang diperkenalkan bagi tujuan meringankan beban dan kos sara



KERATAN Kosmo! 1 Februari 2023.

hidup rakyat selepas berdepan krisis kewangan," tambahnya.

Di **Ipoh**, seorang peniaga, Mohd. Hamdan Rasidi berkata, dia terpaksa menghentikan penjualan Menu Rahmah selepas pelanggan tidak mahu menikmati hidangan merangkumi lauk-pauk seperti ayam masak merah, ayam masak kicap, kari ikan serta sayur-sayuran berharga RM5 itu.

"Ia merupakan satu pembaziran apabila lauk yang saya asingkan bagi Menu Rahmah tidak habis dijual.

"Selain itu, dengan peningkatan kos barangan mentah dan lain-lain menjadikan sukar untuk kami menyerap kos operasi bagi Menu Rahmah," katanya.

Sementara itu di **Melaka**, promosi Menu Rahmah yang kurang didakwa menjadi punca rata-rata peniaga tidak lagi terdorong untuk meneruskan program itu sejak hujung tahun lalu.

Pemilik restoran Asam Pedas Selera Kampung, Saharudin Mohd. Nor, 57, berkata, keadaan itu diburukkan lagi dengan situasi di mana peniaga berdepan masalah bekalan beras, minyak dan gula.

"Promosi menu ini pun suram dan tidak dipromosikan seperti sebelumnya," ujarnya.

Bagi pemilik Restoran Asam Pedas Legenda, Mohd. Rasydan Ramli, pihaknya masih menawarkan Menu Rahmah setiap hari tetapi jumlah permintaan semakin berkurangan berbanding pertengahan tahun lalu.

"Setiap hari kira-kira 10 bungkus akan terjual, tidaklah sebanyak tahun lepas kita jual lebih 30 bungkus," ujarnya.

'Kami terpaksa bawa bekal, paling mahal hidangan RM12'

PETALING JAYA – Sukarnya mendapatkan premis menawarkan Menu Rahmah selain kenaikan harga makanan ketika ini memberi kesan kepada golongan pekerja apabila mereka terpaksa membawa bekal ke tempat kerja.

Bagi segelintir penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pula, situasi itu menyebabkan mereka tidak dapat berjimat dan terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi.

Seorang kerani swasta, Zarul Zairuddin, 36, berkata, rakyat ketika ini berada dalam keadaan terhimpit dengan kenaikan harga barang sekali gus menyebabkan mereka terpaksa mengehendak perbelanjaan harian.

"Disebabkan itu kami membawa bekal kerana kehidupan di pusat bandar lagi tinggi dan tiada barangan yang murah.

"Kalau ada Menu Rahmah ini, bolehlah membantu dari segi perbelanjaan makan harian

waktu bekerja," katanya.

Tambahnya, golongan paling terkesan adalah mereka yang berada dalam kategori miskin bandar.

Sementara itu, seorang penuntut di sebuah universiti awam dikenali Amira berkata, Menu Rahmah hanya sekadar nama sahaja, namun terdapat premis yang tidak teragak-agak untuk menukar harga apabila pelanggan ingin membayar.

"Hanya beberapa kafe univer-

siti yang menawarkan inisiatif ini sejak ia diperkenalkan.

"Nak makan pun RM10 hanya sekali makan sahaja, semua nak menuju kemajuan tapi rakyat menanggung beban," katanya.

Ujarnya, dia mengharapkan inisiatif itu diteruskan di setiap premis tanpa meletakkan limitasi terutama sekali kepada pelajar.

Sementara itu, seorang graduan IPTA, Syafiq Hadi berkata,

permulaan kehidupannya di sebuah bandar membangun sangat mencabar dari segi perbelanjaan makan hariannya.

"Sejak menetap di sekitar Shah Alam, susah nak jumpa premis yang tawarkan menu ini dan terpaksa bangun awal sediakan bekal untuk pergi kerja.

"Sukar untuk membeli makanan tengah hari pada harga RM6 ke bawah. Paling mahal sekitar RM12 sepinggan lengkap sayur dan lauk ayam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-May	Stor simpan diesel diserbu, 20 tangki dirampas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090904/stor-simpan-diesel-diserbu-20-tangki-dirampas	HARIAN METRO
17-May	Stor simpan diesel diserbu, 20 tangki dirampas	https://www.buletintv3.my/nasional/stor-simpan-diesel-diserbu-20-tangki-dirampas/	BULETIN TV3
17-May	KPDN serbu stor simpan diesel tanpa lesen, permit	https://www.kosmo.com.my/2024/05/16/kpdn-serbu-stor-simpan-diesel-tanpa-lesen-	KOSMO
17-May	KPDN Johor serbu stor haram, rampas 56,520 liter diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/665039/berita/semasa/kpdn-johor-serbu-stor-haram-rampas-56520-	SINAR HARIAN
17-May	Lelaki ditahan disyaki beli minyak diesel tanpa kebenaran	https://www.sinarharian.com.my/article/665038/berita/semasa/lelaki-ditahan-disyaki-beli-minyak-diesel-	SINAR HARIAN
17-May	PPM rampas 13,400 liter diesel seleweng	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/16/ppm-rampas-13400-liter-diesel-seleweng	UTUSAN BORNEO
17-May	PPM rampas 13,400 liter diesel seleweng	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090935/ppm-rampas-13400-liter-	HARIAN METRO
17-May	Jual minyak masak bersubsidi RM4 sepaket, premis diambil tindakan melalui Ops Samar	https://www.sabahgazette.com/jual-minyak-masak-bersubsidi-rm4-sepaket-premis-diambil-tindakan-melalui-ops-samar/#google_vignette	SABAH GAZETTE

17-May	PGA tahan lelaki, rampas 6.12 tan minyak masak bersubsidi	https://www.utusan.com.my/berita/2024/05/pga-tahan-lelaki-rampas-6-12-tan-minyak-masak-bersubsidi/	UTUSAN MALAYSIA
17-May	Pasukan Gerakan Am rampas 6.12 tan minyak masak cuba diseludup ke negara jiran	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1091015/pasukan-gerakan-am-rampas-612-tan-minyak-masak-cuba-jiran	HARIAN METRO
17-May	KPDN Perak serbu rumah lelaki warga tempatan, kantoi sorok 527kg minyak masak pekiet	https://beritaperak.com/kpdn-perak-serbu-rumah-lelaki-warga-tempatan-kantoi-sorok-527kg-minyak-masak-pekiet/	BERITA PERAK
17-May	Uptick seen in consumer claims	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/05/16/uptick-seen-in-consumer-claims	THE STAR
17-May	KPDN komited perkasa bidang penguatkuasaan banteras aktiviti penyelewengan, pengurusan barang kawalan bersubsidi	https://sabahnewstoday.net/kpdn-komited-perkasa-bidang-penguatkuasaan-banteras-aktiviti-penyelewengan-pengurusan-barang-kawalan-bersubsidi/	SABAH NEWS TODAY
17-May	Inisiatif PPKS bantu pengguna luar bandar nikmati manfaat subsidi Kerajaan	https://sabahmedia.com/2024/05/16/inisiatif-ppks-bantu-pengguna-luar-bandar-nikmati-manfaat-subsidi-kerajaan	SABAH MEDIA
17-May	Dua ditahan, 13,400 liter diesel seleweng dirampas di Penampang	https://www.sabagazette.com/dua-ditahan-13400-liter-diesel-seleweng-dirampas-di-penampang	SABAH GAZETTE
17-May	IMIGRESEN JOHOR TAHAN 17 PENDATANG TANPA IZIN	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2298554	BERNAMA